

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Homecare Nutmeg Oil
2. Bagaimana Homecare Nutmeg Oil berfungsi
3. Sebelum mengambil Homecare Nutmeg Oil
4. Cara menggunakan Homecare Nutmeg Oil
5. Semasa menggunakan Homecare Nutmeg Oil
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan Homecare Nutmeg Oil
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

1. Apakah kegunaan Homecare Nutmeg Oil

Melegakan untuk sakit terseliuh, sementara waktu sakit ringan dan ketidakselesaan otot atau sendi yang berkaitan dengan neuralgia dan rematik.

2. Bagaimana Homecare Nutmeg Oil berfungsi

Minyak buah pala mempunyai ciri antioksidan dan anti-inflamasi.

Farmakologi:

Menthol dalam kepekatan kurang daripada 1% menekan reseptor kulit dan memberikan kesan analgesik. Apabila mentol digunakan pada kulit, ia merangsangkan saraf rasa sejuk, sambil menekan saraf yang merasakan kesakitan. Penggunaan menthol pada mulanya menghasilkan rasa kesejukan yang tidak lama kemudian diikuti dengan rasa hangat. Menthol adalah rawatan yang lembut untuk melegakan kesakitan yang ringan.

Minyak Nutmeg mudah diserap melalui kulit dan digunakan dalam bentuk minyak dan salap untuk melegakan kesakitan dalam keadaan lumbago, sciatica dan reumatik.

3. Sebelum mengambil Homecare Nutmeg Oil

- Bila tidak boleh mengambil
Jika ada alahan terhadap ramuan-ramuan Homecare Nutmeg Oil.
- Sebelum mula mengambil
 - Dapat nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan ubat ini jika anda hamil atau sedang menyusui
 - Mengaplikasikan satu titis di sebahagian permukaan kulit bagi semakan sensitiviti.
- Jika mengambil ubat-ubat lain
Ubat ini adalah untuk kegunaan luar sahaja dan biasanya kurang kesan ke atas

Walaupun demikian, sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika sedang mengambil ubat-ubat lain.

4. Cara menggunakan Homecare Nutmeg Oil

- Berapa banyak harus digunakan
Sapu dan urut pada bahagian yang berkenaan sehingga menyerap ke dalam kulit. Untuk kegunaan luar sahaja.
- Bila perlu digunakan
Digunkan 2-3 kali sehari
- Berapa lama perlu digunakan
Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi
- Jika terlupa menggunakan
Guna sebaik sahaja teringat jika terlupa
- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)
Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

5. Semasa menggunakan Homecare Nutmeg Oil

- Perkara yang perlu dilakukan
Beritahu doktor ubat yang sedang diambil
- Perkara yang tidak boleh dilakukan
Elakkan daripada terkena mata dan luka terbuka. Jauhkan daripada kanak-kanak.
- Perkara yang perlu diberi perhatian
Jikalau hamil atau menyusukan anak semasa rawatan, elak gunakan Homecare Nutmeg Oil kecuali atas arahan doktor.

6. Kesan-kesan sampingan

- Kesan advers kulit yang minimal atau sederhana
- Minyak boleh bertindak sebagai perangsang, jangan digunakan pada individu yang mengalami epilepsi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public --> Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI)

7. Cara penyimpanan Homecare Nutmeg Oil

Penyimpanan

Simpan pada tempat yang kering dan sejuk, iaitu pada suhu di bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya dan kelembapan..

Jauhkan daripada kanak-kanak.

Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang tidak diperlukan.

8. Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Cecair jernih yang hampir tidak berwarna, berbau aromatik tersendiri

- Bahan-bahan kandungan

Bahan Aktif
Nutmeg Oil dan Menthol

- Bahan Tidak aktif
White Oil and Clove Oil

- Nombor MAL
MALxxxxxxxxxx

9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Sanchuan Medical Sdn. Bhd.
72, Lengkok Rishah 2, Taman Rishah, Kawasan Perindustrian Silibin, 30100 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

10. Tarikh kemaskini RiMUP

01/02/2018

Nombor Siri

BPFK(Rx/x)xxxxxx/xxxxxx